

# 3 KAJIAN PENGAJARAN: KEBERKESANAN PEMBELAJARAN KEMAHIRAN LISAN BERSTRUKTUR DAN PENGGUNAAN ICT BAGI PENILAIAN LISAN

Marsita Omar  
marsita\_omar@moe.edu.sg

Roslinda Johari  
roslinda\_johari@moe.edu.sg

Sekolah Rendah Gongshang

## ABSTRAK

Kajian pengajaran dijalankan untuk meningkatkan kemahiran lisan murid. Satu strategi pembelajaran lisan telah dibina bagi meningkatkan kemahiran lisan murid. Strategi ini digunakan untuk membantu dan membimbing murid meningkatkan kemahiran lisan dari segi kelancaran dan keyakinan mereka semasa berinteraksi. Murid mengikuti aktiviti penyusunan gambar sebagai aktiviti rangsangan di awal pembelajaran. Selain itu, murid melakukan refleksi dan menggunakan rubrik bagi menilai tahap pencapaian kemahiran lisan mereka. ICT turut digunakan untuk mendapatkan maklum balas guru tentang pencapaian bacaan dan isi perbualan murid. Rakaman maya, 'Vocaroo' dan Portal *iCoLAB* digunakan untuk membolehkan murid merakamkan bacaan mereka dan memberikan pandangan mereka secara maya. Guru pula memberi maklum balas secara maya di *Blog* yang dibina di dalam portal ini. Dapatan kajian menunjukkan aktiviti lisan yang berstruktur dan disokong penggunaan ICT telah menggalakkan murid melakukan latihan lisan secara sendiri.

### Kata kunci

Kemahiran Lisan, Pembelajaran Koperatif, Perancahan



## PENGENALAN

Kurikulum Bahasa Ibunda bertujuan untuk membimbing murid menjadi pengguna bahasa yang cekap dan dapat bertutur dengan yakin, efektif dan bermakna dalam situasi kehidupan yang sebenar. Bagi mencapai matlamat tersebut, Jawatankuasa Semakan Bahasa Ibunda 2010, menyarankan agar kemahiran interaksi lisan dan penulisan diberi penekanan dan diperkukuh. Penggunaan ICT juga telah disarankan agar diperluas bagi pengajaran dan pembelajaran.

Oleh itu, selaras dengan matlamat di atas, kajian bagi mengukuhkan kemahiran lisan murid telah dijalankan. Analisis prestasi murid dalam ujian lisan sejak beberapa tahun kebelakangan ini jelas menunjukkan bahawa murid secara umumnya lemah dalam kemahiran lisan. Ini terbukti daripada prestasi murid dalam peperiksaan lisan pada pertengahan dan akhir tahun. Murid didapati mempunyai kesukaran menerangkan dan menyatakan pandangan mereka semasa ujian lisan. Bahasa Inggeris sering digunakan oleh murid ketika menyampaikan pandangan semasa ujian lisan. Guru berpendapat bahawa masalah ini berlaku disebabkan kosa kata murid terhad.

Satu strategi pembelajaran lisan telah dibina bagi mengatasi masalah terhadnya kosa kata dalam kalangan murid. Satu hipotesis telah dibina untuk menunjukkan bahawa strategi pembelajaran lisan yang berstruktur dapat meningkatkan keupayaan murid untuk bertutur dengan yakin dan lancar. Selain itu, penggunaan ICT juga dapat meningkatkan kemahiran berbahasa murid melalui penggunaan *blog* melalui portal *iCoLAB* dan rakaman secara maya iaitu '*Vocaraoo*'.



## **TUJUAN KAJIAN**

Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk:

1. meningkatkan keupayaan murid untuk menggunakan kosa kata yang tepat bagi menerangkan pelbagai situasi berdasarkan gambar yang diberikan; dan
2. memantau keberkesanan kaedah pengajaran lisan berstruktur dan menilai keberkesanan penggunaan ICT bagi penilaian kemahiran lisan.

## **PERMASALAHAN KAJIAN**

Pada tahun lepas, satu soal selidik telah dijalankan untuk meneliti penggunaan bahasa Melayu di rumah. Seramai 114 murid yang terdiri daripada Darjah 5 dan 6 yang telah terlibat. Dapatan menunjukkan 16.7% murid menyatakan bahawa mereka hanya menggunakan bahasa Inggeris ketika bertutur di rumah, manakala 15.8% murid menyatakan bahawa mereka menggunakan bahasa Melayu di rumah. Selain daripada itu, 67.5% daripada murid menggunakan kedua-dua bahasa Inggeris dan Melayu di rumah. Namun penggunaan bahasa Inggeris lebih dominan penggunaannya di rumah.

Melalui soal selidik ini juga, didapati bahawa terdapat satu trend ibu bapa yang berpendidikan tinggi lebih cenderung menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa komunikasi di rumah. Soal selidik ini juga menunjukkan bahawa murid tidak mampu bertutur dengan yakin dan lancar disebabkan kosa kata murid yang terhad. Hal ini berlaku disebabkan kurangnya pendedahan murid terhadap penggunaan bahasa Melayu dalam situasi yang pelbagai.



## **KAJIAN LEPAS**

Dapatan kajian di Barat menunjukkan bahawa kaedah pembelajaran koperatif boleh merangsang perkembangan kognitif yang lebih baik dan pencapaian akademik yang lebih tinggi berbanding dengan pembelajaran sendiri. Pengajaran koperatif memberi ruang bagi murid belajar bersama dengan rakan-rakan yang lain. Dalam pembelajaran koperatif, murid belajar dan saling mengukuhkan pengetahuan dengan berkongsi pandangan dan pendapat dengan rakan-rakan yang lain dalam suasana interaksi sosial yang berlaku dalam kumpulan. Terdapat banyak ruang yang boleh digunakan bagi merangsang dan melatih kemahiran lisan murid dalam aktiviti pembelajaran bercorak koperatif.

Hal ini selaras dengan teori konstruktivisme yang ditegaskan oleh Vygotsky, Stacey dan Beras (2002) yang mendapati bahawa pembelajaran yang dibina berasaskan persekitaran sosial adalah penting untuk pembelajaran yang berkesan. Dalam perkataan yang lain, suasana pembelajaran koperatif membolehkan murid saling berkomunikasi dan berinteraksi, saling bekerjasama dalam melaksanakan aktiviti pembelajaran bersama. Suasana pembelajaran yang positif pasti merangsang pembelajaran murid.

Nation (2001) pula menegaskan akan pentingnya bagi murid menguasai kosa kata yang luas. Beliau menegaskan bahawa pembelajaran kosa kata harus diajar dan dipelajari serta diulang. Dalam perkataan lain, proses pembelajaran yang dirancang dengan teliti bagi penguasaan kosa kata membantu pembelajaran murid.

Menurut Nation (2001) lagi pembelajaran murid harus bertahap dan berstruktur. Pembelajaran kosa kata itu merupakan proses komulatif dan harus diajar, dipelajari dan diulang-ulang. Menurut beliau, pembelajaran harus melalui beberapa proses yang bertahap dan berstruktur kerana sebab-sebab yang berikut.



1. Murid perlu mengenali dan mengetahui penggunaan kosa kata yang dipelajari dalam pelbagai konteks penggunaan. Sering kali murid perlu mengulang penggunaan kosa kata yang dipelajari beberapa kali.
2. Murid biasanya mengingat perkataan atau kosa kata tertentu apabila sering diberi peluang untuk menggunakannya dalam pelbagai konteks penggunaan. Dalam pembelajaran kosa kata, penting bagi murid mengetahui konteks penggunaan kosa kata yang dipelajari.
3. Murid biasanya terlupa perkataan yang dipelajari dalam masa 24 jam yang pertama. Oleh yang demikian, adalah penting bagi guru memberikan latihan yang mencukupi bagi membolehkan murid berlatih menggunakan perkataan atau kosa kata yang dipelajari.

## **KAEDAH KAJIAN**

Dalam kajian ini, pengkaji telah menggabungkan kaedah pembelajaran koperatif. Pembelajaran koperatif diterapkan sebagai aktiviti pengukuhan untuk memahami makna dan menyenaraikan semula kosa kata yang telah dipelajari.

Dalam menjalankan kajian ini, guru telah mengenal pasti kelemahan murid melalui markah peperiksaan pertengahan tahun. Tinjauan lanjut dilakukan untuk memahami dengan lebih mendalam masalah yang berlaku. Pertama keputusan ujian lisan murid dianalisis dan didapati ramai murid tidak dapat melepasi sasaran markah yang diharapkan oleh guru masing-masing dalam bahagian penerangan dan perbualan berdasarkan gambar.

Seterusnya guru membuat analisis laporan pemeriksa yang menjalankan ujian lisan dan mendapati murid sukar menerangkan



sesuatu keadaan dalam gambar dengan tepat. Ada kalanya murid menggunakan bahasa Inggeris semasa menerangkan sesuatu perkara dalam ujian lisan disebabkan tidak menguasai kosa kata yang tepat dalam bahasa Melayu.

Tinjauan seterusnya dilakukan melalui soal selidik ke atas murid untuk mengenal pasti bahasa yang sering digunakan di rumah. Berdasarkan tinjauan ini, guru telah merumuskan permasalahan utama dalam kalangan murid adalah kekurangan kosa kata dan guru telah menghasilkan satu strategi pembelajaran lisan yang konstruktif bagi membantu meningkatkan kemahiran lisan murid. Murid yang dipilih bagi kajian ini menjalani pembelajaran lisan yang telah dibina selama 4 bulan.

Bagi menilai keberhasilan kajian ini, analisis dilakukan berdasarkan perbandingan keputusan markah ujian lisan antara SA1 dengan SA2. Ujian t-bebas digunakan untuk membandingkan min, dan menilai saiz kesan.

Pembelajaran lisan ini juga menerapkan perancahan. Murid melalui aktiviti yang pelbagai dan bertahap-tahap bagi mengukuhkan proses pembelajaran seperti yang ditegaskan oleh Ovando, Collier dan Combs (2003). Perancahan merujuk kepada penyediaan sokongan secara kontekstual bagi pemahaman makna menerusi penggunaan bahasa yang mudah, guru memberi tunjuk ajar, visual dan berbentuk grafik, melibatkan pembelajaran secara koperatif dan mengandungi sesi amali.

### Subjek Kajian

Subjek Kajian terdiri daripada 3 kumpulan murid daripada Darjah 5 dan 6. Ketiga-tiga kumpulan ini telah menjalani pembelajaran lisan itu selama 4 bulan.



## Instrumen Kajian

Instrumen bagi kajian ini adalah aktiviti-aktiviti lisan yang telah dibina oleh guru berdasarkan 6 set gambar. Borang penilaian juga digunakan untuk menilai kemahiran lisan murid. Di samping itu, penggunaan ICT seperti *Blog* dan rakaman maya 'Vocaroo' turut digunakan bagi merangsang maklum balas murid dan guru.

## Prosedur Kajian

Strategi yang digunakan bagi tujuan kajian ini adalah untuk meningkatkan kemahiran lisan murid supaya mereka dapat bertutur dengan lancar dan yakin. Oleh sebab itu, semua kumpulan murid yang dipilih perlu menjalani strategi pembelajaran lisan yang telah dirangka. Strategi pembelajaran ini mengikut Rancangan Pengajaran yang dilampirkan dalam **Lampiran 1**.

Pembelajaran lisan ini dimulakan dengan aktiviti kumpulan. Murid melakukan aktiviti menyusun gambar dan memahami senarai kosa kata yang berkaitan dengan gambar melalui perbincangan. Kemudian murid melakukan aktiviti pengukuhan, iaitu murid dikehendaki mengingat semula senarai perkataan yang telah dipelajari dan menyenaraikannya semula.

Bagi peringkat yang kedua, murid menggunakan perkataan-perkataan atau frasa-frasa tersebut untuk membina ayat yang berkaitan dengan situasi-situasi di dalam gambar yang diberikan. Selepas itu, murid menulis semula sebagai satu penulisan yang lengkap.

Selepas aktiviti penulisan, murid berlatih membincangkan gambar secara lisan. Sementara itu, rakan atau guru menilai keberkesanan penggunaan borang penilaian. Pemarkahan diberikan berdasarkan mata yang ditentukan dalam rubrik yang telah diberikan di dalam borang penilaian itu.




Bagi membolehkan murid mengasah kemahiran mereka, murid juga digalakkan untuk berlatih dengan menggunakan ICT melalui portal *iCoLAB*. Dalam portal *iCoLAB*, murid digalakkan untuk memberikan maklum balas mengenai pelajaran yang telah mereka lalui. Dalam hal ini guru diminta memberikan maklum balas pencapaian dan pemerolehan bahasa murid.

## DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Berdasarkan perbandingan markah dua peperiksaan lisan iaitu SA 1 dan SA 2 (*Semestral Examination*) terdapat peningkatan dalam markah ujian lisan murid.

Strategi pembelajaran lisan ini telah berjaya meningkatkan mutu penerangan murid dengan memberikan kosa kata yang tepat berdasarkan gambar. Murid juga dapat memperluas penerangan mereka berdasarkan gambar dan memberikan idea yang bernas dengan lebih yakin dan lancar ketika menjalani ujian lisan.

Rajah 1: Pencapaian Lisan Keseluruhan





Jadual 1: Pencapaian Keseluruhan

Sumber Data	Darjah 5 BM 1		Darjah 6 BM 1		Darjah 6 BM 2	
	SA 1	SA 2	SA 1	SA 2	SA 1	SA 2
<b>min</b>	22	26	21	24	22	26
<b>Standard deviation</b>	2.34	2.63	2.65	2.22	2.35	3.00
<b>Ujian-T</b>	0.001		0.002		0.003	
<b>Signifikan</b>	Yes		Yes		Yes	
<b>Perbezaan min</b>	4		3		4	

Jika  $P < 0.05$ , terdapat peningkatan. Markah min meningkat.

## KESIMPULAN

Strategi pembelajaran lisan ini didapati telah dapat membantu murid untuk menjadi lebih yakin dan lancar ketika bertutur dalam bahasa Melayu waktu ujian lisan. Hasil kajian ini agak memberangsangkan kerana strategi yang dibina telah menunjukkan hasil yang positif. Kajian ini meningkatkan kemahiran lisan murid.

Antara maklum balas positif melalui kajian ini adalah, pengajaran yang terancang, nota dapat digunakan sebagai rujukan dan penerapan kemahiran IT. Walau bagaimanapun, guru juga mendapat keluhan daripada murid kerana mereka harus banyak menulis. Selain itu terdapat keterbatasan yang dilalui sewaktu menjalankan kajian ini seperti masa pencelahan agak singkat untuk mendapatkan keputusan yang lebih baik. Ketiadaan komputer atau internet juga merupakan hambatan dalam kajian ini.



Sebagai langkah selanjutnya, guru memperbaiki strategi pembelajaran lisan dengan membahagikan pembelajaran lisan secara bertema dan merancang jangka masa yang sesuai bagi pembelajaran ini. Guru mengusahakan agar pembelajaran lisan ini dapat digunakan oleh murid lain daripada peringkat yang berbeza.

Nota:

Guru-guru berikut turut terlibat dalam kajian yang dijalankan.

1. Herda Dolfata
2. Safini Razali

## **RUJUKAN**

Abbas Bin Mohd Shariff, Ph.D (2006) *Strategi Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa*, Singapore: Alfa Media

Huraian Sukatan Pelajaran Melayu 2008 Darjah 5 dan 6 Mekar (Singapore: CPDD, MOE 2007)

I.S.P. Nation, (2001). *Learning Vocabulary in Another Language*. Cambridge/GB: Cambridge University Press.

Laporan Jawatankuasa Semakan Kurikulum dan Pedagogi Bahasa Melayu (Singapore: CPDD, MOE 2005)

Ovando, C., Collier, V., & Combs, M. (2003). *Bilingual and ESL classrooms: Teaching multicultural contexts* (3rd ed.). Boston: McGraw-Hill.

Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu Sekolah Rendah 2008 (Singapore:CPDD, MOE 2007)

## **Sumber Elektronik**

Vygotsky,L,Stacey, E and Beras, (2002). Dipetik dari '*learning links online*. Establishing constructivist and collaborative learning environment.<http://www.aset.org.au/canfs/soos/stacey.html>



## Lampiran 1

### Rancangan Pengajaran Pakej Lisan 2012

Proses Pembelajaran			
Matlamat Pengajaran	Di akhir pengajaran, murid dapat: <ol style="list-style-type: none"> <li>1. menambahkan kosa kata yang berkaitan dengan gambar lisan;</li> <li>2. bertutur dengan <b>fasih</b> dan <b>yakin</b> tentang gambar yang diberikan; dan</li> <li>3. memberikan interpretasi yang sangat baik (padat) dan bernas (mendalam).</li> </ol>		
Aktiviti Pembelajaran dan Soalan-soalan guru	Reaksi murid yang dijangkakan	Sokongan guru (Soalan susulan sebagai panduan terhadap pembelajaran murid)	Penilaian Bagaimanakah penilaian dilakukan? Apakah wahana ( <i>tools</i> ) yang digunakan?
Masa	Aktiviti		
5 minit	<p><b><u>Set induksi</u></b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Susun suai gambar (jigsaw puzzle) secara berkumpulan</li> <li>• Mencungkil pengetahuan sedia ada murid melalui teknik menyoal.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Murid akan berasa ghairah dan ingin tahu apakah gambar yang akan dibincangkan.</li> <li>• Murid dapat memberikan respons secara spontan</li> </ul>	<p><b><u>Soalan:</u></b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1) Di manakah tempat yang dipaparkan di dalam gambar ini?</li> <li>2) Di manakah / Apakah tempat-tempat di Singapura yang boleh dikaitkan</li> </ol> <p>Gambar lisan yang telah dijadikan seperti 'jigsaw puzzle'.</p> <p>Penilaian secara lisan melalui jawapan pelajar yang spontan.</p>



	<p><b><u>Tujuan</u></b></p> <p>Menilai peringkat pengetahuan murid</p>	<p>ataupun setelah berbincang dengan rakan secara berkumpulan.</p>	<p>dengan gambar ini?</p>	
10 minit	<p><b><u>Perkembangan</u></b></p> <p><b>Langkah 1: Melihat &amp; mengaitkan dengan gambar</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Guru memberikan arahan kepada murid untuk membincangkan tentang perkataan / frasa yang terdapat di dalam gambar tersebut.</li> <li>• Guru dan murid membincangkan perkataan / frasa yang tidak difahami maksudnya.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Murid berupaya untuk berbincang dengan aktif tentang perkataan / frasa yang berkaitan dengan gambar.</li> <li>• Murid meminta penjelasan bagi beberapa perkataan yang tidak difahami maknanya.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Guru memantau perbincangan murid-murid.</li> </ul>	<p>Gambar lisan yang telah dijadikan seperti '<i>jigsaw puzzle</i>'.</p>
15 minit	<p><b>Langkah 2: Mengingat semula dengan menggunakan teknik</b></p>			



	<p><b>pembelajaran koperatif (meja bulat, berfikir-berpasang-berkongsi, siapa cepat &amp; sbgnya)</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Guru memberikan arahan kepada murid-murid untuk membuat salah satu aktiviti pembelajaran koperatif.</li> <li>• Guru menyuruh murid-murid mengenal pasti perkataan / frasa yang <b>tidak</b> diberikan di gambar.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Murid berpeluang untuk memberikan idea masing-masing.</li> <li>• Murid berupaya untuk berbincang dengan aktif tentang peranan masing-masing.</li> </ul>	<p><b><u>Soalan:</u></b></p> <p>1) Senaraikan perkataan / frasa yang berkaitan dengan aktiviti-aktiviti yang terdapat di dalam gambar.</p> <p>2) Gunakan teknik penyoalan : Apakah, Di manakah, Siapakah, Bilakah, Bagaimanakah.</p>	<p>Gambar lisan yang telah dijadikan seperti 'jigsaw puzzle'.</p> <p>Senarai perkataan / frasa yang diberikan oleh pelajar.</p>
<p>10 minit</p>	<p><b>Langkah 3: Mengingat semula &amp; menyenaraikan di dalam latihan lisan secara individu</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Guru memberi</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Murid</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Guru</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Latihan lisan</li> </ul>

	<p>arahan kepada murid-murid untuk menyenaraikan perkataan / frasa yang telah dibincangkan di dalam latihan lisan.</p>	<p>berupaya untuk menyenaraikan.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Murid meminta bantuan guru untuk mengingat semula beberapa perkataan/ frasa yang tidak pasti.</li> </ul>	<p>mengingat an murid untuk menggunakan teknik penyoalan.</p>	
15 minit	<p><b>Langkah 4: Membina ayat berkaitan dengan gambar</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Guru memberikan 1 atau 2 contoh ayat bagi aktiviti yang terdapat dalam gambar.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Murid berupaya membina ayat menggunakan perkataan/ frasa yang disenaraikan.</li> </ul>	<p><b>Soalan:</b> 1) Ceritakan aktiviti-aktiviti yang terdapat di dalam gambar ini.</p>	Latihan Lisan



	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Guru memberi arahan kepada murid-murid untuk membina ayat bagi aktiviti-aktiviti yang terdapat di dalam gambar.</li> <li>• Guru meminta pendapat murid-murid mengenai setiap aktiviti yang dinyatakan.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Murid berupaya membina ayat menggunakan perkataan/frasa yang disenaraikan.</li> <li>• Murid berupaya memberikan pendapat bagi aktiviti-aktiviti yang dibincangkan</li> <li>• menggunakan kosa kata yang telah dipelajari.</li> </ul>	<p>2) Berikan pendapat kamu bagi aktiviti-aktiviti yang dinyatakan.</p> <p>3) Soalan rangsangan: Gunakan Teknik penyoalan berdasarkan aktiviti.</p>	
5 minit	<p><b>Penutup</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Guru merumuskan pengajaran.</li> <li>• Guru memberi arahan kepada murid-murid membuat latihan seterusnya secara individu sebagai kerja rumah.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Murid berupaya menulis semula di latihan seterusnya.</li> </ul>		Latihan lisan